

01/02/2004

`Bangga, puas hati bawa PKM ke meja rundingan'

Azran Jaffar

SEJAK kegagalan Rundingan Baling pada 1955 Komunis terus menjadi ancaman kepada negara. Namun akhirnya pada 1989 mereka bersetuju berdamai dengan Kerajaan Malaysia. Apakah usaha dilakukan ke arah perdamaian itu, Datuk Yaw Kong Yew menceritakannya.

IDEANYA satu: Kita sudah membelanjakan berjuta ringgit malahan mungkin sudah mencecah ratusan juta ringgit semata-mata untuk mengawal komunis dan memastikan negara berada dalam keadaan baik daripada ancaman mereka - dengan anggota, peralatan, helikopter, tinjauan dan pelbagai lagi - maka perkara ini perlu dihentikan dan wang yang dibelanjakan terhadap mereka boleh digunakan untuk perkara lain termasuk membantu golongan susah.

Inilah alasan yang diberikan Tan Sri Rahim Noor ketika beliau melontarkan cadangan mengapa ancaman komunis di negara ini perlu dihentikan segera ketika beliau mula menjawat Pengarah Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM) pada 1986, demikian kata bekas Timbalan Pengarah Cawangan Khas, Datuk Yaw Kong Yew.

Yaw yang menjadi orang penting dalam episod peletakan senjata anggota Parti Komunis Malaya (PKM) sehingga termeterainya Perjanjian Damai Hadyai pada 2 Disember 1989, berkata walaupun beliau pada mulanya agak terperanjat dengan cadangan itu, namun akhirnya memberikan kesungguhannya untuk melaksanakan tugas berkenaan.

Peranan Yaw dalam usaha itu disebut Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin dalam buku terbarunya, Wira Tak Didendang yang dilancarkan awal minggu ini.

"Saya dari keluarga susah, begitu juga yang saya fikirkan mengenai Tan Sri Rahim, jadi apabila beliau menyebut orang susah, saya memahami apa yang bermain di fikirannya," kata Yaw yang mengakui terpaksa tinggal dengan pakciknyanya manakala abangnya pula dengan saudara lain semata-mata untuk meringankan beban bapanya menyara lapan orang anak, "katanya pada pertemuan di rumahnya di Petaling Jaya, petang Khamis lalu.

Bersara dari Polis Diraja Malaysia pada 1992, Yaw menambah: "Bagaimanapun sebelum idea ini dilaksanakan saya pada waktu itu adalah Senior Assisten Komisioner II dan Ketua Divisyen Komunis di Cawangan Khas memberitahu Tan Sri Rahim kedudukan sebenar komunis di negara ini dan juga tidak mahu nanti beliau dicop sebagai komunis."

Menerusi pengalamannya, mendapati sukar untuk melumpuhkan mereka tetapi kita berupaya mengawalnyanya dan walaupun anggota mereka tidak ramai yang berlegar di sekitar sempadan Malaysia-Thailand di Kedah, Selangor, Perak dan Pahang tetapi ancaman mereka tetap ada.

"Bagi saya, tentangan terhadap cadangan ini bukan kerana saya tidak menghormati Tan Sri Rahim tetapi saya perlu memberitahu beliau perkara benar," katanya.

Namun kata Yaw, beliau melihat kesungguhan Rahim dan ia jelas ketika mesyuarat cawangan, beliau banyak menanyakan hal ini kepada mereka yang hadir dan bagaimana untuk melaksanakan.

"Daripada mesyuarat ini yang mana melalui maklum balas yang diterima dari anggotanya, apa yang saya perhatikan Rahim sudah mengetahui dan dapat membuat penilaian siapakah anggotanya yang dapat diharapkan dalam melaksanakan tugas itu," kata Yaw yang menganggotai PDRM pada 1955 selepas kali kedua menduduki peperiksaan Senior Cambridge.

Dilahirkan di Ipoh dan anak seorang penjual air batu, Yaw berkata daripada penjelasan Rahim bahawa beliau mahu menghentikan ancaman komunis

melalui rundingan, beliau memberikan persetujuannya.

"Bagaimanapun saya katakan padanya bahawa saya tidak mampu menjanjikan keputusan seperti yang diharapkan, tetapi apa yang beliau akan dapat ialah saya akan memberikan yang terbaik untuk tugas ini," katanya.

Satu yang menarik mengenai Rahim kata Yaw ialah, walaupun beliau sebelum ini bukan anggota dari cawangan khas, tetapi dengan latar belakang ijazah yang baik dalam bidang ekonomi dan sebelum ini banyak terbabit dalam pengurusan, beliau dapat menterjemahkan belanjawan yang dikeluarkan dalam menguruskan ancaman komunis dan ini memungkinkan beliau memberikan satu kaedah pengurusan korporat yang kos efektif dalam menanganinya.

Yaw berkata, dari penjelasan itu yang menyatakan tugasnya adalah membawa anggota komunis ke meja rundingan, bermulalah episod awal untuk tugas itu yang membuatkan beliau ke Selatan Thailand dan Bangkok, sehinggalah mengutarakan idea itu kepada Perdana Menteri ketika itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang turut bersetuju serta memberi sokongan terhadap perkara ini.

"Saya mula menghubungi kenalan dan sumber saya bagi mendapatkan gambaran awal mengenai kedudukan PKM dan bersama-sama Rahim kami mengadakan pertemuan dengan beberapa pegawai di Thailand.

"Satu yang agak membantu dalam hal ini ialah ketika perkara itu diberitahu kepada rakan sejawatan mereka di Thailand, pihak di sana juga sebenarnya sudah memikirkan perkara yang sama kerana banyak anggota mereka yang tercedera dalam usaha menggempur markas PKM di Selatan Thailand, malah mereka sudah ada kod untuk usaha ini yang dikenali Thung Thai atau Kedamaian di Selatan.

"Walaupun timbul juga sedikit kesulitan namun mereka banyak membantu dan memberikan kerjasama. Yalah antara pihak intteligent sesebuah negara bukan senang untuk bertukar nota kerana masing-masing mempunyai rasa bangga sendiri. Bagaimanapun perasaan cemburu ini adalah sesuatu yang sihat dan apa yang dapat saya katakan kerjasama mereka amat kami hargai, seperti diberikan Pengarah Cawangan Khas Thailand, Kasem dan General Kitty," katanya.

Namun yang pasti, pelbagai perkara dilakukannya bagi mendapatkan maklumat, dari yang berpangkat Jeneral sehinggalah kepada anggota bawahan semua didekati, dari bermain tenis bersama sehinggalah membawa mereka keluar makan.

"Peluang besar kami tiba beberapa bulan selepas itu apabila sumber saya di Thailand memberitahu orang nombor dua Chin Peng yang bertanggungjawab dalam keseluruhan operasi di Selatan Thailand, Siao Chang @ Chang Lin Yew akan ke Hadyai untuk mendapatkan rawatan kerana masalah kesihatan."

"Ia adalah satu berita yang cukup menggembirakan, bagaimanapun pada masa sama ada berita buruk apabila timbul khabar angin yang mengatakan bahawa saya tidak mendapat mandat kerajaan untuk tugas ini dan melakukannya kerana cita-cita peribadi untuk menjadi orang penting dalam PDRM," katanya.

Masalah ini diceritakan Yaw kepada Rahim yang mana akhirnya perjumpaan diadakan dengan Perdana Menteri sehingga diadakan sesi bergambar dan gambar itu diberikan kepada sumber di Thailand untuk diedarkan bagi menangkis segala tanggapan dan bahawa apa yang dilakukannya semata-mata kerana negara dan mendapat sokongan kerajaan.

Sambil ketawa dan membuka album yang menunjukkan gambar berkenaan, Yaw berkata: "Gambar ini bukan menunjukkan saya sangat rapat dan mengenali Perdana Menteri secara peribadi, tetapi semata-mata untuk menangkis khabar angin itu."

Pada Ogos 1988, Yaw ke Hadyai menemui Siao Chang selepas mengumpul maklumat mengenai latar belakang, kedudukan serta fungsi Siao Chang dalam PKM.

"Dari apa yang saya kumpul beliau adalah bekas guru, sangat berpengetahuan serta cukup berpengalaman dan dalam pertemuan itu saya jelaskan apa tujuan dan saya tidak mahu gagal dalam tugas ini," kata Yaw.

"Apa yang dijelaskan kepada Siao Chang dalam perbualan yang diadakan dalam bahasa Mandarin itu, selepas berpuluh tahun sudah sampai masanya untuk kedua-dua pihak berunding bagi kebaikan bersama dan demi kemanusiaan.

"Saya jelaskan dengan panjang lebar mengenai kedatangan saya dan juga kedudukan Malaysia di samping menyatakan saya bukan mahu beliau membuat analisa mengenai situasi Malaysia atau global, dan beliau mendengarnya dengan penuh minat," kata Yaw dengan menunjukkan riak gembira.

Akhirnya, Siao Chang menjelaskan bahawa beliau tidak menyimpan sebarang keraguan terhadap apa yang diperkatakan tetapi memberitahu bahawa beliau tidak boleh membuat sebarang keputusan yang mana ia dilakukan oleh Politburo (jawatkuasa penggubal dasar dalam parti/negara komunis) yang dianggotai lapan anggota jawatankuasa diketuai Chin Peng.

"Siao Chang memberitahu saya bahawa beliau tidak boleh melakukan apa-apa tetapi boleh meyakinkan anggota Politburo dan saya tanya kembali berapa lama beliau boleh memberikan jawapan dan katanya dalam masa dua hingga tiga bulan," kata Yaw.

Beliau bertanya lagi kenapa dua bulan dan Siao Chang memberitahu bahawa itu adalah sistem mereka tambahan pula sistem komunikasi mereka menghadapi masalah dan segala maklumat hanya boleh disampaikan dari orang ke orang.

Chin Peng pada masa itu tidak berada di Selatan Thailand tetapi di China bagi tujuan keselamatan dan menjalankan kerja-kerja antarabangsa.

Kata Yaw, tanpa cuba untuk merendahkan kedudukannya, beliau mengatakan bahawa beliau sanggup melakukan apa saja bagi mempercepatkan proses itu dan Siao Chang memberikan iltizamnya untuk memikirkan perkara itu dan menambah: "Apa yang berlaku selepas ini sangat penting".

"Saya beritahu akan perjumpaan yang berjaya ini kepada Rahim dan beliau memberitahu pihak di Thailand agar menawarkan Siao Chang peluang untuk ke China yang mana perbelanjaan ditanggung untuk bertemu Chin Peng".

Walaupun ini nampaknya sudah berjaya tetapi ia juga sangat genting kerana selepas ini ialah pihak di China dan jika perancangan ini tidak berjaya perlu ada satu strategi lain untuk dapat berjumpa Chin Peng.

"Tetapi bagaimana hendak melakukannya? dan saya tidak tahu dari mana Rahim mendapat idea bahawa ia boleh dilakukan melalui ahli perniagaan Malaysia yang mempunyai kepentingan di Hong Kong atau di China supaya orang ini dapat mengadakan pertemuan dengan menteri atau orang penting parti komunis di China supaya dapat berjumpa dengan Chin Peng.

"Kami mengetahui fakta bahawa di China anggota parti komunis asing diberi tempat tinggal yang diuruskan oleh jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Perhubungan (Liasion Department) dan jika ada yang dapat membuat hubungan dengan petugas di jabatan ini dan mengatakan ingin mengadakan perjumpaan dengan Chin Peng mereka akan mendapat peluang ini.

"Inilah jalan yang kami nampak dan orang yang diberikan tanggungjawab untuk tugas ini adalah Tan Sri Robert Kuok dan apa yang perlu dilakukan beliau ialah mengikut apa yang kami rancangkan," katanya.

Pertemuan dengan Kuok diadakan di Hong Kong dan selepas memberikan penerangan, beliau menyatakan persetujuannya dan meminta sedikit masa untuk meninjau keadaan dan seminggu selepas itu memberitahu bahawa beliau sudah menemui seseorang yang boleh membantu.

"Kami bergegas ke Hong Kong dan tinggal di Shangri La yang dimiliki oleh Robert dan pada pertemuan dengan lelaki berkenaan, Robert memberitahu bahawa orang berkenaan yang saya namakan sebagai Mr C boleh saya temui di dewan utama hotel berkenaan," katanya.

"Pertemuan diadakan dalam suasana yang agak rahsia dengan kehadiran

ramai orang di dewan berkenaan kerana ada majlis koktel yang sedang berlangsung dan selepas sedikit perbincangan tanpa pengetahuan hadirin lain, lelaki berkenaan kemudian terus hilang di celahan orang ramai.

"Pada pertemuan itu saya jelaskan maksud saya tetapi beliau memberitahu sudah mengetahuinya dan apa yang ingin dinyatakan ialah perkara ini adalah semata-mata hal ehwal dalam negara Malaysia, polisi luar China ialah tidak mencampuri urusan dalam negara lain dan China akan menyokong sebarang usaha penyelesaian konflik dan dalam konteks ini China gembira apabila mengetahui Malaysia ingin menyelesaikan soal PKM dalam suasana aman," katanya.

"Sikap Mr C seolah-olah seorang diplomat dan bagi memastikan saya mengingati apa yang diperkatakannya, beliau mengulang-ulangi perkara itu beberapa kali dan Rahim tidak ada dalam pertemuan itu kerana beliau membuat syarat bahawa perjumpaan itu adalah antara kami berdua saja.

"Sumber ini sangat penting dan usaha yang dilakukan oleh Robert Kuok menjimatkan banyak masa dan saya tak tahu apa yang dikatakan Robert untuk meyakinkan mereka."

Selepas Mr C menemui Chin Peng beliau memberitahu bahawa secara prinsipnya Chin Peng bersetuju mengadakan rundingan dan akhirnya Yaw ke Guangzhou bagi tujuan itu.

"Tetapi mereka menghantar seorang wakil yang saya dapati seorang wanita bernama Zainon atau dikenali sebagai Ayen yang bertindak sebagai orang ketiga antara saya dengan mereka (jawatankuasa Politburo)," kata Yaw.

"Apa yang jelas, dalam pertemuan itu mereka ingin mengetahui syarat yang ditetapkan kerana mereka tidak mahu kejadian di Baling berulang semula yang mana mereka berasa dalam rundingan itu layanan terhadap mereka tidak seperti yang diharapkan," kata Yaw

"Saya katakan kepada beliau bahawa apa yang perlu mereka lakukan ialah datang ke meja rundingan dan jika mereka tidak bersetuju mereka boleh menarik diri dan kami akan menyediakan tempat berunding yang selamat jadi mereka tidak perlu khuatir akan soal keselamatan dan dari situ saya mendapat reaksi positif dan bermulalah sesi rundingan."

Dalam setiap pusingan rundingan beliau dan Ayen tidak terbabit dan hanya bertindak sebagai orang perhubungan antara kedua-dua pihak sehinggalah selesai segala rundingan yang berakhir dengan majlis menandatangani Perjanjian Damai Hadyai pada 2 Disember 1989.

Walaupun segala-galanya selesai dan selepas itu Yaw berkesempatan melawat ibu pejabat PKM di Selatan Thailand yang mana beliau menghabiskan masa selama dua hari tiga malam di sana, tetapi terdapat juga kata-kata yang kurang enak sampai ke telinga Yaw.

"Tidak ada yang mengucapkan tahniah atas berakhirnya episod itu kerana ramai yang berpendapat bahawa ancaman komunis boleh ditamatkan melalui senjata, apa pun saya tidak berasa hati dan apa yang saya fikirkan bahawa jalan yang dibukakan kepada saya untuk menyelesaikan masalah ini adalah hasil daripada perkara baik yang saya lakukan sepanjang menjalankan tugas itu," katanya.

Mengakhiri pertemuan kami pada hari itu yang sudah hampir ke senja, Yaw berkata, selepas bersara beliau tidak lagi mahu memikirkan soal komunis kerana beliau berpuas hati dengan apa yang sudah dilaksanakan kepada negara.

"Masa saya sekarang dihabiskan dengan bermain golf dan kegiatan luar lain dan tiga minggu lagi saya akan ke Sabah sekali lagi untuk mendaki Gunung Kinabalu bagi menyambut hari jadi yang ke-70," kata Yaw.

Sambil ketawa dan menunjukkan bingkai yang mengandungi gambarnya di puncak Kinabalu Yaw berkata, "Anda dijemput untuk ke Gunung Kinabalu untuk bersama saya pada sambutan itu."